

ELEMEN KEPIMPINAN DALAM KURSUS TERAS UNIVERSITI: KAJIAN KES DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

THE ELEMENT OF LEADERSHIP WITHIN THE UNIVERSITY CORE COURSES: A CASE OF STUDENTS AT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Mohd. Sohaimi Esa¹

Romzi Ationg^{2*}

Mohd Azri Ibrahim³

Irma Wani Othman^{4*}

Abang Mohd. Razif Abang Muis⁵

Nurul Ain Zulhaimi⁶

Nurulasyikin Muda⁷

¹Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: msohaimig@ums.edu.my)

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: mrationg@ums.edu.my)*

³Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mohdazri@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)*

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: nurulainz@ums.edu.my)

⁷Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: syikin@ums.edu.my)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021

Revised date : 21-4-2021

Accepted date : 16-5-2021

Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Othman, I. W., Muis, A. M. R. A., Zulhaimi, N. A., & Muda, N. (2021). Elemen Kepimpinan Dalam Kursus Teras Universiti: Kajian Kes Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 18-29.

Abstrak: *Kepimpinan adalah suatu topik yang menarik untuk diperkatakan apabila dikaitkan dengan kursus teras universiti. Kursus teras universiti adalah kursus asas yang ditetapkan oleh universiti. Sementara elemen kepimpinan pula antara yang diberikan perhatian dalam kursus teras universiti. Elemen kepimpinan juga begitu penting kepada para pelajar agar menjadi pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor kerjaya apabila setelah tamat pengajian. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus teras universiti terbahagi kepada tiga iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP), Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dan Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK). Ketiga-tiga kursus ini juga turut ditawarkan di Institusi*

Pengajian Tinggi (IPT) lain di Malaysia. Menyedari hakikat bahawa semua pelajar IPT wajib mengambilnya maka elemen kepimpinan turut diterapkan dalam ketiga-tiga kursus ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sehubungan itu, penilaian terhadap kesedaran pelajar tentang elemen kepimpinan dibuat bagi salah satu kursus tersebut iaitu kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP). Objektif kajian adalah bertujuan untuk menilai sejauhmanakah elemen kepimpinan dapat dilihat dalam kandungan kursus PEdP serta mengetahui elemen kepimpinan yang menjadi keutamaan bagi kursus ini. Bagi tujuan tersebut, metodologi kajian adalah menggunakan pendekatan kuantitatif dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Berdasarkan kajian, didapati bahawa elemen kepimpinan dalam kurikulum PEdP masih lagi longgar dan kurang diberikan perhatian. Maka dicadangkan supaya tindakan sewajarnya dilakukan oleh pihak berwajib bagi memastikan elemen kepimpinan diberikan perhatian dalam kursus PEdP.

Kata Kunci: *Elemen Kepimpinan; Kusus Teras Universiti; UMS; Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP)*

Abstract: *Leadership is an interesting topic to talk about when linked to the university core courses. The university core courses are foundation courses prescribed by the university. While it emphasises in the university's core courses, the leadership element is vital for students to become successor leaders in various sectors upon graduation. At the Universiti Malaysia Sabah (UMS), the university core courses comprise of Appreciation of Ethics and Civilization (PEdP), Philosophy and Current Issues (FIS) and Introduction to Cultural Entrepreneurship (APK). These three courses are also being offered at other Higher Learning Institutions (IPT) in Malaysia. Recognizing that all university students are required to take it, the element of leadership is also being applied in these three courses either directly or indirectly. For this reason, a study on students' awareness of the elements of leadership was made for one of the courses, namely the Appreciation of Ethics and Civilization (PEdP). The study aims to assess the extent to which the elements of leadership can be seen in the content of the PEdP as well as to examine whether the elements of leadership is being prioritized in this course. The study was conducted using a quantitative approach among students of Universiti Malaysia Sabah (UMS). In general, the study found that that the leadership element in the PEdP curriculum is still wobbly and underappreciated. It is therefore recommended that further action be taken by the authorities to ensure that the leadership element is given attention in the PEdP.*

Keywords: *Elements of Leadership; University Core Courses; UMS; Appreciation of Ethics and Civilization (PEdP)*

Pengenalan

Elemen Kepimpinan dalam konteks kursus teras universiti menjadi keutamaan jika berdasarkan dari buku garis panduan, *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (2006) dan *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua* (2016). Kursus teras universiti adalah kursus asas yang ditetapkan oleh universiti dengan syarat diwajibkan kepada para pelajar untuk megambilnya dan mesti lulus bagi tujuan pengijazahan. Sementara, elemen kepimpinan antara yang diberikan perhatian

dari segi kemahiran insaniah agar mereka akan menjadi pemimpin pelapis dalam pelbagai sektor kerjaya apabila setelah tamat pengajian. Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus teras terbahagi kepada tiga iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP), Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dan Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK). Kursus ini dikendalikan dan ditawarkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS. Penawaran kursus ini terbuka kepada setiap pelajar di peringkat prasiswazah. Ketiga-tiga kursus ini juga turut ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain di Malaysia. Dalam konteks kepimpinan sememangnya ada diterapkan dalam ketiga-tiga kursus ini. Namun begitu, bagi tujuan kajian maka dipilih kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) untuk melihat sejauhmana elemen kepimpinan terdapat dalam kurikulumnya. Sebelum itu, dibincangkan terlebih dahulu permasalahan kajian berkaitan dengan elemen kepimpinan dalam konteks kursus teras universiti, khususnya untuk kursus PEdP.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan Kamus Dewan (1998), kepimpinan membawa erti 'keupayaan memimpin'. Terdapat beberapa pandangan sarjana berkaitan dengan istilah kepimpinan tersebut. Menurut Fiedler (1967), kepimpinan boleh didefinisikan sebagai hubungan antara perseorangan yang menunjukkan kuasa dan pengaruh yang diagih secara sama rata sehingga seorang individu boleh mengamal dan mengawal tindakan orang lain lebih daripada kawalan mereka ke atas individu. Stodgill (1974) pula, mendefinisikan kepimpinan merupakan konsep yang kompleks kerana berkaitan dengan satu fenomena manusia yang universal dan amat sukar difahami. Berdasarkan definisi tersebut, kepimpinan adalah sesuatu yang kompleks kerana melibatkan individu sebagai pemimpin serta mereka yang dipimpin. Perihal yang penting adalah sejauhmana keupayaan serta kebijaksanaan seseorang pemimpin itu dapat menguruskan orang bawahannya dengan berasaskan sumber yang sedia ada (Thoha & Miftah, 1995). Ia juga bermaksud sesuatu kuasa yang ada pada seorang pemimpin untuk menggerakkan anggota kumpulannya untuk mencapai matlamat atau objektif tertentu (Muhd Akmal, Razaleigh, Rosli & A'dawiyah, 2015). Pendek kata, kepimpinan adalah begitu penting dalam sesebuah organisasi untuk menentukan hala tuju yang hendak dicapai. Justeru itu, kurikulum yang sedia ada di peringkat pengajian tinggi perlu diberikan keutamaan bagi persediaan pelajar apabila memasuki alam kerjaya. Persoalannya, sejauhmanakah kursus teras universiti, khususnya PEdP dapat menyediakan tanggungjawab membimbing pelajar dari aspek kepimpinan?

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) merupakan kursus wajib universiti sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik yang mula dilaksanakan secara menyeluruh di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pada sesi pengajian 2020/2021. Kursus ini diletakkan sebagai Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. MPU telah diperkenalkan berteraskan kepada cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial (*Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua* (2016). Hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, "...adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara" (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Justeru itu, dari Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu secara tidak langsung juga menunjukkan kepentingan elemen kepimpinan diterapkan dalam kurikulum, termasuk dalam kursus teras universiti (Saharia, 2015). JPT telah memperkenalkan kursus baharu iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP), di samping kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS)

bagi mencapai matlamat tersebut. Oleh kerana PEdP merupakan kursus baharu, maka menjadi keperluan kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesannya dalam konteks elemen kepimpinan agar menjadi wadah kepada pelajar selepas menamatkan pengajiannya.

Objektif dan Metodologi

Objektif kajian adalah untuk melihat sejauhmana kursus teras universiti, khususnya PEdP mengandungi elemen kepimpinan dalam kandungan kurikulumnya. Metodologi kajian adalah berasaskan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal-selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 191 orang responden telah terpilih dalam kajian ini. Responden ini terdiri daripada pelajar tahun pertama UMS yang telah mengambil kursus PEdP pada semester 2 Sesi 2020/2021. Borang soal-selidik telah diedarkan kepada responden oleh penyelidik dengan menggunakan kaedah *google forms*. Kaedah ini dipilih kerana lebih mudah dilaksanakan berbanding dengan kaedah konvensional dan selari dengan era digital kini. Dengan kaedah ini juga dapat membantu dari segi mengurangkan tempoh masa kajian, penjimatan kos dan hasil kajian dapat dianalisis dengan segera. Dalam konteks analisis data, kaedah kuantitatif akan dianalisis menggunakan Statistical Packages for Social Scientist (SPSS). Jumlah responden yang diperolehi iaitu 191 pelajar (46%) yang mewakili populasi responden. Jumlah itu adalah memadai untuk menilai daripada sejumlah sekitar 412 pelajar yang mengikuti kursus ini. Pelajar yang mengikuti kursus ini telah dibahagikan kepada beberapa seksyen (kelas), iaitu satu seksyen terdiri daripada sekitar 100 orang pelajar dengan dikendalikan sepenuhnya oleh seorang pensyarah untuk sepanjang semester. Dalam kajian ini, hanya empat seksyen yang dipilih untuk melihat akan keberkesannya. Aspek yang dikaji berkaitan dengan elemen kepimpinan yang terkandung dalam kursus PEdP bagi mendapatkan maklum balas agar kursus ini relevan dengan keperluan semasa.

Sorotan Literatur

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) dan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan dua kursus wajib baharu di universiti awam (UA) yang mula diperkenalkan pada sesi pengambilan 2019/2020. Kedua-dua kursus ini sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik (HE) dan Tamadun Islam dan Asia (TITAS) (Shamsul, 2007; 2012; Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011; Dayu, Mohd Sohaimi Budi & Yusten, 2015). Menurut mantan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, kedua-dua kursus ini wajib diambil oleh mahasiswa dan menjadi prasyarat untuk mereka sebelum menamatkan pengajian. Ia merupakan salah satu hala tuju sistem pendidikan negara dan merupakan sambungan kepada pendidikan sivik di sekolah supaya diteruskan di peringkat pengajian tinggi (*Berita Harian*, 25 September 2019). Di UMS, kedua-dua kursus ini mula diperkenalkan pada Semester 1 Sesi 2020/2021. Oleh kerana baharu diperkenalkan maka kajian literatur masih lagi terhad dan terbatas, apatah lagi belum terdapat kajian berkaitan dengan elemen kepimpinan. Kajian yang berkaitan dengan kursus PEdP antaranya termasuklah Mohd Sohaimi, Abang Mohd Razif, Romzi, Irma, Siti Aidah, Saifuazry dan Sharifah (2021) yang melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini. Sementara, kajian oleh Saifulazry, Mohd Kamal, Habibah, Irma, Romzi, Mohd. Sohaimi dan Syamsul (2021) memfokuskan kepada rekayasa dakwah kbat dalam kalangan mahasiswa menerusi kursus PEdP.

Walau bagaimanapun dalam konteks sorotan literatur, kursus PEdP boleh dilihat dari perspektif peranan kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi. Hal ini

telah didokumentasikan dalam perancangan polisi pendidikan tinggi negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Pada dasarnya, PEdP boleh dianggap sebagai kursus *top down* daripada Jabatan Pendidikan Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Hal ini sesuai dengan surat arahan daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (2019) berhubung pelaksanaan kursus Falsafah dan Isu Semasa serta kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. Kedua-dua kursus ini penting kerana sebagai pelengkap bagi memenuhi aspirasi negara sebagaimana yang terkandung dalam *Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum* (2019). Antara lain menekankan keperluan penghayatan pelajar ke arah pemantapan kesepaduan nasional dengan memacu ke arah memupuk semangat patriotisme dan nasionalisme dalam acuan Malaysia. Peradaban dan etika berasaskan acuan Malaysia dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, negara sehingga ke peringkat global (Mohd Sohaimi, et al., 2021). Hal ini bertepatan dengan peranan kursus pengajian umum dalam pembangunan kemahiran insaniah kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi (Muhamad Rahimi, 2010; Mohd Zahedi Daud, 2005). Maklumat lengkap peranan kursus wajib universiti dan kursus pengajian umum juga boleh diperolehi dari buku, *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia* (2006) dan *Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua*. (2016).

Hasil kajian sebelum ini juga menunjukkan bahawa nilai etika dan moral semakin tidak dititikberatkan dan memperlihatkan senario semakin terpinggir dalam kehidupan seharian, termasuk golongan pelajar (Ruslan, Farid & Azmul, 2020). Oleh itu, langkah kementerian menawarkan kursus wajib universiti adalah suatu usaha yang bertepatan dengan keperluan dan kehendak semasa sepertimana beberapa kajian yang dilakukan oleh beberapa penyelidik sebelum ini seperti Hamidah, Norlin, Nor Akmar, Norashikind, Rozianan dan Shah (2011), Nazri, Faridah dan Abdul Aziz (2011), dan Siti Hajar (2012). Sesungguhnya, implikasi kajian ini juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada organisasi yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan nilai etika dan moral, di samping menghayati peradaban dalam memperkukuhkan sahsiah mahasiswa ketika di alam universiti sebelum mereka melibatkan diri ke alam pekerjaan kelak (Mohd. Sohaimi, et al, 2021). Sebagai kursus baharu, maka PEdP sama sepertimana kursus sebelum ini, Hubungan Etnik dan Tamadun Islam dan Asia perlu dikaji agar terdapat penambahbaikan dan pemurnian dapat dilakukan oleh pihak yang terlibat, antaranya termasuklah elemen kepimpinan dalam kursus PEdP.

Dapatan dan Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan soal selidik yang dibentuk dan diedarkan, analisis deskriptif telah dilakukan. Dalam pada itu, dapatan kajian yang diperolehi menggunakan soal selidik ini dipaparkan serta dibincangkan seperti berikut:

a. Maklumat Latarbelakang Responden

Maklumat analisis deskriptif tentang latar belakang responden kajian secara keseluruhannya ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual ini menentengahkan tentang taburan taburan responden

mengikut negeri asal, daerah asal, kawasan petempatan, kaum, kategori umur, jantina dan pendapatan bulanan keluarga.

Jadual 1: Maklumat Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden		Bilangan (<i>n</i>)	Peratus (%)
Negeri	Negeri-negeri Semenanjung	95	49.7
	Negeri-negeri Borneo (Sabah & Sarawak)	96	50.3
Daerah	Daerah-daerah di Semenanjung	95	49.7
	Daerah-daerah di Sabah	91	47.6
	Daerah-daerah di Sarawak	5	4.7
Kawasan Petempatan	Bandar	100	52.4
	Luar Bandar	91	47.6
Kaum	Bumiputra Islam	101	52.9
	Bumiputra Bukan Islam	67	36.1
	Cina/India/Lain-Lain	23	11.0
Kategori Umur	18-22 Tahun	171	89.5
	23 Tahun dan Ke-atas	20	10.5
Jantina	Lelaki	90	41.9
	Perempuan	111	58.1
Pendapatan Bulanan Keluarga	< RM2,500	94	48.7
	RM2,501-RM5,000	35	18.3
	RM5,001 >	62	33.0

Jumlah Keseluruhan = 191 orang responden

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, didapati bahawa daripada sejumlah 191 orang responden yang menjawab soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik, seramai 95 orang berasal dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia (49.7%) dan seramai 96 orang (50.3%) berasal dari negeri-negeri di Borneo. Dari aspek daerah asal pula, seramai 95 orang (49.7%) responden adalah berasal dari daerah-daerah di Semenanjung Malaysia, 91 orang (47.6%) dari daerah-daerah di Sabah dan hanya 5 orang (4.7%) berasal dari daerah-daerah di Sarawak. Didapati juga daripada jumlah keseluruhan responden tersebut, seramai 100 orang (52.4%) berasal dari petempatan bandar dan 91 orang (47.6%) berasal dari petempatan luar bandar. Manakala dari segi kaum, seramai 101 orang (52.9%) merupakan Bumiputra Islam, 67 orang (36.1) merupakan Bumiputra bukan Islam, dan seramai 23 orang (11.0%) merupakan individu dari etnik Cina, India dan lain-lain etnik.

Terdapat seramai 171 orang (89.5%) responden berumur diantara 18 hingga 22 tahun dan selebihnya iaitu 20 orang (10.5%) berumur lebih daripada 22 tahun. Tetapi dalam konteks jantina, didapati bahawa seramai 90 orang (41.9%) merupakan lelaki dan majoriti responden

iaitu seramai 111 orang (58.1%) adalah perempuan. Sementara bagi kategori pendapatan bulanan keluarga, seramai 94 orang responden (48.7%) datangnya daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan, 35 orang (18.3%) datangnya dari keluarga berpendapatan diantara RM2,501 hingga RM5,000, dan seramai 62 orang (33.0%) berasal dari keluarga berpendapatan bulanan melebihi RM5,001. Kesemua responden (191) orang ini telah memberikan maklumbalas lengkap kepada borang soal selidik yang diberikan.

b. Kefahaman Pelajar Tentang Elemen Kepemimpinan dalam PEdP

Bagi mengetahui sejauhmanakah pelajar atau responden memahami tentang wujudnya elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP, maka beberapa pernyataan atau soalan dikemukakan di Bahagian B dalam borang soal selidik. Secara khusus, Bahagian B ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian B1 dan Bahagian B2. Bahagian B1 dibentuk bagi mengetahui kefahaman asas para pelajar atau responden tentang adanya elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP. Bagi tujuan tersebut mereka diminta menyenaraikan Bab dalam kursus PEdP yang mereka dapati mengandungi elemen kepemimpinan mengikut urutan daripada nilai 1 hingga 9 mengikut keutamaan.

Jadual 2: Kefahaman Asas Responden tentang Elemen Kepemimpinan dalam PEdP

Bab dalam Modul PEdP	Bilangan Responden Memberi Nilai Seperti Berikut								
	1	2	3	4	5	6	7	8	9
Pengenalan	50	29	27	18	19	4	5	19	20
Bab 1	15	66	33	13	14	3	12	19	16
Bab 2	8	15	68	22	8	10	11	25	25
Bab 3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bab 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bab 5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bab 6	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bab 7	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Bab 8	0	0	0	0	0	0	0	0	0

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh responden, adalah didapati bahawa mereka hanya melihat Bab pengenalan, Bab 1 dan Bab 2 sahaja yang mempunyai elemen kepemimpinan. Manakala bab yang lain menurut mereka tidak mempunyai elemen kepemimpinan. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman asas mereka tentang elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP masih terlalu rendah. Ini kerana kesemua bab dalam modul PEdP mempunyai elemen kepemimpinan. Namun demikian, penjelasan tentang elemen kepemimpinan itu tidak dilakukan secara khusus dan terperinci. Perkara ini mungkin menjadi sebab utama kepada ketidakfahaman responden yang juga merupakan pelajar yang mengambil kursus ini. Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya usaha memberi penjelasan tentang hubungkait diantara elemen kepempimpinan dan kursus ini dilakukan oleh pelbagai pihak, khususnya para pensyarah yang mengajar kursus ini.

Di samping kefahaman asas tentang elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP ini, kajian ini juga turut berminat untuk mengetahui kefahaman lanjut pelajar tentang elemen kepemimpinan dalam PEdP. Bagi maksud tersebut, maka borang soal selidik bagi kajian ini juga telah menyenaraikan beberapa soalan atau pernyataan selaras dengan tujuan tersebut. Oleh itu, dalam Bahagian B2 responden diminta memberikan respon berdasarkan darjah persetujuan menggunakan Skala Likert bagi soalan atau pernyataan terdiri daripada: (1) kursus PEdP adalah kursus Teras Universiti yang mengandungi elemen komunikasi, khususnya elemen kemahiran berunding, (2) saya mendapati bahawa kursus PEdP adalah kursus Teras Universiti yang memberikan penekanan terhadap aspek pengurusan konflik, (3) kursus PEdP turut memberi penekanan khusus tentang sikap dan integriti pemimpin, (4) sikap dan integriti merupakan antara elemen utama kepemimpinan yang diberikan penekanan khusus dalam kursus PEdP sebagai kursus Teras Universiti, (5) elemen kepemimpinan iaitu karisma merupakan aspek penting yang menjadi asas pembelajaran bagi kursus PEdP sebagai kursus Teras Universiti, dan (6) kursus PEdP amat menitikberatkan elemen kepemimpinan berkaitan pengetahuan dan pencapaian kelulusan akademik. Terdapat 5 pilihan jawapan mengikut Skala Likert iaitu 1 bagi jawapan Sangat Tidak Setuju (STS), 2 bagi jawapan Tidak Setuju (TS), 3 bagi jawapan Sederhana Setuju (SdS), 4 bagi jawapan Setuju (S), dan 5 bagi jawapan Sangat Setuju (SS).

Jadual 3: Kefahaman Lanjut Responden tentang Elemen Kepemimpinan dalam PEdP

No Soalan	SS		S		SdS		TS		STS	
	n	%	n	%	n	%	n	%	n	%
Soalan 1	1	0.5	7	3.7	46	24.1	75	39.3	62	32.4
Soalan 2	1	0.5	3	1.6	38	19.7	76	39.8	73	38.3
Soalan 3	0	0.0	1	0.5	18	9.4	79	41.4	93	48.7
Soalan 4	0	0.0	1	0.5	22	11.5	75	39.3	93	48.7
Soalan 5	0	0.0	4	2.1	31	16.2	80	41.9	76	39.8
Soalan 6	0	0.0	3	1.6	31	16.2	72	37.7	85	44.5

Petunjuk: SS = Sangat Setuju; S = Setuju; SdS=Sederhana Setuju; TS=Tidak Setuju; STS=Sangat Tidak Setuju

Berdasarkan jadual 3, didapati bahawa majoriti pelajar tidak bersetuju (137 orang/71.7%), tidak bersetuju bahawa kursus PEdP adalah kursus Teras Universiti yang mengandungi elemen komunikasi, khususnya elemen kemahiran berunding. Kecenderungan pelajar untuk tidak bersetuju bahawa terdapat elemen kepemimpinan ada dalam kursus PEdP juga terserlah apabila trend memberikan jawapan Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS) turut melibatkan pernyataan atau soalan yang lain iaitu 78.1% (149 orang) bagi soalan 2, 90.1% (172 orang) bagi soalan 3, 88% (168 orang) bagi soalan 4, 81.7% (156 orang) bagi soalan 5, dan 82.2% (157 orang) bagi soalan 6.

Kecenderungan para pelajar untuk tidak bersetuju bahawa terdapat elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP ini tidak menghairankan. Ini kerana mereka turut ketiadaan kefahaman

asas tentang adanya elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP. Kursus ini juga tidak dinyatakan secara khusus apa itu pemimpin dan kepemimpinan dalam isi kandungannya. Sebagai kursus baharu, maka begitu penting dari segi kurikulumnya juga memberikan keutamaan tentang elemen kepimpinan agar sekurang-kurangnya setanding dengan kursus sebelum ini, yakni Hubungan Etnik (Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011). Sinopsis kursus PEdP sepertimana berikut:

“Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga ke pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpandukan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara. Justeru, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini” (Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS, 2020).

Sekiranya berasaskan sinopsis kursus di atas, seharusnya ada elemen kepimpinan yang ingin diterapkan kursusnya dari ayat, “...*penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara.*” Sesungguhnya, elemen kepimpinan sepertimana yang digariskan di atas seharusnya perlu ada pada individu atau diri pelajar untuk bertanggungjawab dan menjadi pembimbing kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Rumusan dan Cadangan

Secara umumnya, didapati bahawa kadar kefahaman pelajar tentang elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP adalah sangat rendah. Ini terbukti apabila hasil analisis jawapan atau maklumbalas mereka terhadap soal selidik yang bertujuan memahami tahap kefahaman mereka tentang elemen kepemimpinan yang cuba diterapkan dalam kursus PEdP memberi gambaran tentang hakikat tersebut. Justeru, berdasarkan analisis ringkas terhadap kefahaman pelajar tentang elemen kepemimpinan dalam kursus PEdP, maka adalah wajar dicadangkan supaya usaha lanjut dapat dilakukan bagi memastikan kadar pemahaman mereka tentang hal ini dapat ditingkatkan, khususnya tenaga pengajar yang terlibat dalam kursus ini. Begitu juga,

kandungan kurikulumnya perlu dijelaskan secara nyata dan bukan abstrak berkaitan dengan elemen kepimpinan. Adalah diharapkan supaya tindakan susulan terhadap permasalahan ini membantu memastikan kandungan kursus PEdP bukan hanya menanam minat pelajar tentang pentingnya etika dan peradaban sebagai teras pembinaan nasion Malaysia, tetapi juga menyedari hakikat bahawa kepemimpinan merupakan elemen penting dalam kehidupan mereka.

PEdP sebagai Kursus Teras Universiti seharusnya lebih mendepani dalam merungkai elemen kepimpinan dalam kalangan pelajar di IPT. Apatah lagi apabila pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks (Mohd Sohaimi, et al., 2021; Ruslan, Farid, Kaseh & Azmul, 2020; Mohd Sohaimi, Dayu & Budi, 2011). Kesalinghubungan elemen tanggungjawab sosial di bawah denominasi ekonomi, sosial dan kelestarian sejagat berupaya memanfaatkan pembangunan modal insan menara gading (Irma, Herlina & Norazah, 2019). Oleh itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat, dan negara (Falikowski, 1990). Natijahnya, kursus teras universiti berusaha untuk membina pelajar menjadi insan kamil yang mempunyai jati diri, terpacat nilai murni, warganegara berpatriotisme, memiliki minda kelas pertama dan anjal dalam apa jua keadaan sama ada untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara sehingga ke peringkat global (Irma, 2019). Itulah juga yang ingin dicapai bagi kursus teras universiti di bawah kategori kenegaraan Malaysia sepertimana harapan Kementerian Pengajian Tinggi, mahupun pihak UMS dan IPT lain. Oleh yang demikian adalah wajar sekiranya dalam kurikulum PEdP dinyatakan dengan jelas elemen kepimpinan tersebut. Hal ini penting kerana mereka sebagai pemimpin pelapis negara apabila tamat pengajian masing-masing. Oleh itu, disarankan sama ada secara langsung atau tidak langsung pihak yang terlibat dalam kursus PEdP untuk memberikan perhatian dalam aspek kepimpinan.

Sungguhpun, kajian ini dilakukan di UMS, namun kajian ini boleh dipanjangkan di IPT lain yang mungkin memberikan keputusan berbeza. Apapun semoga input yang diperolehi dapat ditambahbaik dan dimurnikan yang mana terdapat kekurangan. Malah perlu difahami juga bahawa kursus PEdP baharu 'setahun jagung' dalam pesada pendidikan tinggi negara. Oleh itu, PEdP boleh menjadi kursus yang hidup segar selagi semua pihak bersedia untuk menjadikan kekurangan itu sebagai suatu proses pembelajaran.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) dan Erudites Group (EGP) (Kod Geran: TLS2105, TLS2109, TLS211, TLS2110, TLS2010 & TLS2011).

Rujukan

- Berita Harian*. (25 September 2019).
- Buku Panduan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (High-Impact Educational Practices-HIEPs) dalam Matapelajaran Pengajian Umum*. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus & Budi Anto Mohd Tamring. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd
- Falikowski, A.F. (1990). *Moral Philosophy: Theories, Skills and Applications*. Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Garis Panduan Matapelajaran Umum (MPU), Edisi Kedua*. (2016). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Hamidah Ab Rahman, Norlin Ahmad, Nor Akmar Nordin, Norashikin Mahmud, Rozianan Shaari & Shah Rollah Abdul Wahab. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Jurnal Teknologi*, 54 (Sosial Sosial).
- Irma Wani Othman. (2019). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Norazah, M.S. (2019). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23 (2), 185-200.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2004). *Pelan Pembangunan Pelajaran 2000-2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. (2019). Pelaksanaan Kursus Falsafah dan Isu Semasa serta Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Institusi Pendidikan Tinggi. 15 Ogos. Surat JPT (BKA)1000/011/04 (9).
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. (2006). Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Siti Aidah Lukin@Lokin, Saifuazry Mokhtar & Sharifah Darmia Sharif Adam. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran dalam Talian bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes di Kalangan Pelajar Prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6(23). April.
- Mohd. Zahedi Daud. (2005). *Pelan Integriti Nasional: Strategi Pelaksanaan Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Jabatan Pengurusan IPT. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Muhamad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. *Malim SEA Journal of General Studies* 11.
- Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Rosli Saadan, Zanariah Jano & A'dawiyah Ismail. (2015). Teori Gaya Kepimpinan Barat diadaptasi daripada teori gaya kepimpinan Islam (Al-Qur'an). *Journal of Human Capital Development*, 8(Januari – Jun).

- Nazri Muslim, Faridah Jalil & Abdul Aziz. (2011). Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, Bil. 18.
- Ruslan Hassan, Farid Mat Zain, Kaseh Abu Bakar & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2020). Kefahaman Nilai Etika dan Moral Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8, No.2. July-December.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed.). (2007). *Modul Hubungan Etnik*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed.). (2012). *Modul Hubungan Etnik* (2nd ed.) Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Kamal Mohd Shah, Habibah @ Artini Ramlie, Irma Wani Othman, Romzi Ationg, Mohd. Sohaimi Esa & Syamsul Azizul Marinsah. (2021). Rekayasa Dakwah Kbat Dalam Kalangan Mahasiswa Di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39).
- Siti Hajar Che Man. (2012). Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Platform Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina. *Sosiohumanika*, 5(1).
- Muhd Akmal Noor @ Buang Rajikon, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Rosli Saadan, Zanariah Jano, & A'dawiyah Ismail. (2015). Teori Gaya Kepimpinan Barat diadaptasi daripada teori gaya kepimpinan Islam (Al-Qur'an). *Journal of Human Capital Development*, 8(1). Januari – Jun.
- Stogdill, R.M. (1974). *Handbook of leadership: A survey of theory and research*. Free Press.
- Sinopsis Kursus – BPA BPA UMS. (2020/). Diperolehi daripada: http://bpa.ums.edu.my/images/dokumen/Prospektus/2020/PPIB/SINOPSIS_KURSUS_PPIB.pdf . (diakses pada 15 Februari 2021).
- Teuku Iskandar. (1998). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thoha & Miftah. (1995). *Kepemimpinan Dalam Manajemen Suatu Pendekatan Perilaku*. Jakarta, Indonesia: Rajawali Press.